

18 JUN 1999

Umno-Reaksi (BN)

PEMIMPIN BN SEPENDAPAT KUASA HARUS DI TANGAN RAKYAT SENDIRI

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini sependapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa rakyat harus memastikan kuasa pemerintahan terus berada di tangan rakyat negara ini.

Justeru itu, kata mereka, rakyat harus mengambil ingatan terhadap ucapan Presiden Umno mengenai usaha kuasa asing untuk melemahkan dan memusnahkan Umno, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan dengan cara menyokong dan membantu pakatan pembangkang.

Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu berkata ucapan Perdana Menteri harus diambil sebagai satu pengajaran dan kesedaran oleh rakyat negara ini bahawa kejayaan dan pembangunan negara bergantung kepada rakyatnya.

"Ucapan perdana menteri mengandungi perkara-perkara penting bagi setiap rakyat Malaysia untuk memahami dan sedar bahawa mereka perlu mengutamakan negara daripada perkara yang lain," katanya ketika ditemui selepas perasmian perhimpunan agung Umno di sini.

Menurutnya rakyat Malaysia harus mengambil ingatan mengenai penjelasan Dr Mahathir bahawa kuasa mengawal dan memerintah negara perlu terus berada di tangan rakyat negara ini dan bukannya orang lain.

Samy Vellu berkata rakyat Malaysia juga harus sentiasa berwaspada dan tidak mendengar atau menerima nasihat pihak lain berhubung pemerintahan negara ini.

"Jadi masa depan negara mesti dijaga oleh kita dan di tangan kita," katanya.

Mengenai sama ada terdapatnya "kejutan" dalam ucapan perdana menteri, beliau berkata, "Saya terkejut kerana beliau memberi penjelasan sangat terperinci mengenai kes (Datuk Seri) Anwar. Kes itu sendiri sudah terlalu jelas."

Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kini menjalani hukuman penjara enam tahun setelah disabitkan kesalahan April lepas menyalahgunakan kuasa untuk menghalang siasatan polis terhadap aduan salah laku seks terhadapnya.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik juga sependapat dengan Samy Vellu bahawa kejayaan negara ini hanya ditentukan oleh rakyat dan bukannya orang luar.

Pengerusi Gerakan Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon pula berkata ucapan Dr Mahathir jelas mahukan rakyat bersungguh-sungguh pertahankan kemerdekaan negara ini.

Katanya perjuangan oleh pemimpin sebelum ini sehingga berjaya membawa negara ke tahap yang sedia ada tidak harus diabaikan.

"Kita ambil ingatan nasihat Perdana Menteri yang mahu rakyat bertanggungjawab terhadap negara dan tidak mengambil langkah salah sehingga boleh meruntuhkan negara yang telah lebih 40 tahun merdeka," katanya.

Mengenai penjelasan panjang lebar kes Anwar, beliau percaya ucapan Dr Mahathir itu dapat menghilangkan kesangsian segelintir rakyat yang masih tidak dapat menerima kenyataan atas apa yang telah dilakukan oleh Anwar.

Sementara itu, Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M.Kayveas berkata melalui penjelasan Dr Mahathir mengenai pemecatan Anwar, rakyat kini boleh menganalisis penjelasan yang diberi oleh Perdana Menteri dan Anwar untuk membuat satu keputusan.

Anwar sebelum ini telah mendakwa bahawa terdapat satu pakatan di kalangan pemimpin tertinggi Umno untuk menghancurkan karier politiknya.

Kayveas berkata jika mereka memilih untuk menerima penjelasan Dr Mahathir, keputusan mereka harus diterjemahkan sebagai undi kepada BN pada pilihan raya umum akan datang.

"Rakyat kini mempunyai peluang untuk memilih mana yang betul dan mana yang tidak benar," katanya.

Menurutnya daripada penjelasan Dr Mahathir mengenai Anwar, beliau mendapati bahawa Anwar cuba menjatuhkan kepimpinan Dr Mahathir.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula percaya wujud konspirasi dalam Perhimpunan Agung Umno 1998 untuk mengikis keyakinan rakyat terhadap pucuk pimpinan Umno dan kerajaan BN.

Menurutnya beliau menyedari ada segelintir "pihak" di kalangan perwakilan Perhimpunan Agung Umno tahun lepas yang mewujudkan konspirasi untuk memusnahkan kredibiliti Umno di tengah-tengah kegawatan ekonomi.

"Oleh itu, saya percaya konspirasi dimaksudkan bukanlah konspirasi (Datuk Seri) Dr Mahathir sendiri tetapi konspirasi di luar beliau untuk memusnahkan ekonomi Malaysia dan kredibiliti ketua negara iaitu Perdana Menteri sendiri," kata Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama.

-- BERNAMA

ES RIZ NAK